

CNS1610

U GB 11-11 00176 BH212

AAR

MAHATHIR : PAMERAN LTMABERJAYA

Mahathir - Maritim

LANGKAWI, 11 Nov (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LTMA 91) ialah satu kejayaan khususnya bagi pameran yang ulung seumpama itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Syarikat-syarikat yang terbabit dengan pameran itu telah menunjukkan kesungguhan mereka dan beberapa urusan jual beli telah diselesaikan pada pameran itu, katanya kepada pemberita selepas melancarkan pameran maritim LTMA 91 di Jeti Kuah disini.

Katanya, ini jelas dapat dilihat daripada jumlah kapal dan pesawat yang menyertai pameran itu dan jumlah syarikat terbabit. Seramai 150 buah syarikat dan agen mereka dari 15 buah negara mengambil bahagian dalam pameran itu.

Rerjaya Air Charter hari ini menandatangani satu perjanjian bagi pembelian pesawat pengangkutan ringan jenis Y-32 dari Harbin Aircraft Manufacturing Corporation, China.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir bahawa bayaran yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang menyertai pameran itu seperti bayaran bagi tempat meletakkan pesawat adalah terlalu tinggi memandangkan kerajaan sedikit sebanyak menyumbangkan subsidi. -- Lagi.

♥11/11/22-25MST

U GB 11-11 00136 BH213

AAR

Mahathir - Maritim 2 Langkawi

Katanya, kerajaan memberi subsidi secara tidak langsung kepada mereka yang menyertai pameran itu dan beliau tidak fikir bahawa LIMA 91 ialah yang termahal.

Mengadakan pameran di Langkawi adalah lebih **murah** daripada mengadakannya di negara-negara lain, jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak penganjur pameran itu hendaklah diberi peluang menganjurkan pameran LTMA yang akan datang dan membaiki prestasi mereka walaupun terdapat beberapa aduan daripada beberapa syarikat yang terbabit dan pelawat. Pameran LIMA akan datang diwujudkan pada 1993.

+Kami sedar bahawa beberapa perkara boleh diperbaiki tetapi saya masih berpuas hati dengan pameran berkenaan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak penganjur yang pada mulanya mahu mengadakan pameran itu secara kecil-kecilan, tidak menjangkakan bahawa ia berjaya, terutama selepas perang Teluk. -- Lagi.

♥11/11/22-27MST

U GB 11-11 00156 BH214

AAR

Mahathir - Maritim 3 (Akhir) Langkawi

Katanya, Langkawi merupakan tempat yang baik untuk mengadakan pameran udara kerana ia jauh daripada perhubungan biasa dan ruang udaranya tidak sibuk serta penduduknya tidak ramai.

Tni penting kerana memandangkan semakin banyak pertunjukan udara diadakan di luar kawasan yang mempunyai penduduk yang padat untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya kemalangan, katanya sambil memberi contoh bahawa di Jerman pertunjukan udara diharamkan berikutan berlakunya kemalangan yang dahsyat beberapa tahun lepas.

Terdahulu daripada itu, ketika melancarkan buku bergambar +Langkawi : Legends in the Paradise+ di Pelangi Beach Resort, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berpendapat Langkawi boleh dijadikan sebuah pulau peranginan yang amat berjaya.

+Untuk melakukannya, kita perlumemperbaiki taraf hidup penduduk Langkawi. Penduduk Langkawi pernah mengakui bahawa mereka lebih makmur sekarang,+ katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan untuk menggalakkan Langkawi sebagai sebuah pusat industri berasaskan penerbangan akan mewujudkan industri hiliran dan perkhidmatan sokongan. -- Bernama.

♥11/11/22-29MST